

'Ini barulah susu segar'

SIKIT-SIKIT, lama-lama jadi bukit'. Itulah peribahasa yang cukup sinonim dengan kejayaan dikecapi Farm Fresh sejak mereka mula mencuebi sektor pertanian khususnya dalam bidang tenusu sembilan tahun lalu.

Bermula dengan 60 lembu sahaja di Ladang Sedili, Johor, kini Farm Fresh terus gah setanding jenama antarabangsa dan memiliki lebih 7,000 ekor lembu di Malaysia.

Malah mereka kini menjadi pengeluar nomor satu susu segar di negara dengan purata 17 liter susu sehari bagi seekor lembu berbanding 10 hingga 13 liter susu sehari sebelum ini.

Kekuatan jenama susu Farm Fresh bukan sahaja terletak kepada perancangan rapi pihak pengurusannya semata-mata, sebaliknya turut dipacu oleh pekerja-pekerja yang berdedikasi sehingga berjaya memasarkan produk susu segar di seluruh negara dengan jualan mencecah antara RM15 ke 23 juta setahun.

Menceritakan kejayaan dikecapi jenama susu segar itu, Azmi Zainal yang juga Pengarah Operasi The Holstein Milk Company Sdn Bhd itu mengaku penglibatan mereka dalam bidang industri tenusu itu adalah untuk memberi satu ketainan.

"Matlamat kami mahu memberikan khasiat kepada rakyat Malaysia supaya mereka dapat menikmati susu yang segar."

"Selepas meraih kejayaan di Ladang Sedili, syarikat yang berpangkalan di Johor Bahru itu telah dilantik oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) selaku pengendali Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah (MSCRIC) di Pahang.

"Melalui program berkenaan kita telah berjaya melahirkan 38 petani satelit dalam bidang ternakan sekali gus menjadi satu-satunya syarikat yang mencapai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi kluster tenusu," katanya.

Kini ladang-ladang tenusu milik The Holstein Milk Company Sdn Bhd itu telah mengeluarkan 36 peratus daripada pengeluaran susu mentah negara dan 47 peratus daripada pengeluaran di semenanjung Malaysia.

Selain Malaysia, produk Farm Fresh mula menembusi pasaran negara jiran, Singapura sejak tahun lalu dan bakal menjengah pasaran di Asia Tenggara sebelum meluaskan jenama itu ke negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk memanfaatkan sijil halal yang dimiliki.

>>MS22

FARM
FRESH JADI
FENOMENA
DALAM
INDUSTRI
TENUUS
NEGARA

ZUBIR SULAIMAN
Foto: MOHD IZARI ROSLI



23



Khairil Aizat bantu atasi masalah kewangan

24



Ramai tak mampu urus kewangan

26



Bergabung demi kerja kebajikan

ZUBIR SULAIMAN
Foto: MOHD IZARI ROSLI

SEJAK beroperasi pada 2010, Farm Fresh terus berkembang dengan memiliki empat ladang tenusu di Malaysia dan tiga ladang di Australia dengan nilai pelaburan berjumlah RM100 juta pada tahun lalu.

Pengarah Operasi Farm Fresh Milk Sdn Bhd, Azmi Zainal berkata, ladang yang paling besar dan tercanggih terletak di Muadzam Shah, Pahang dengan keluasan 240 hektar, Mawai di Kota Tinggi (500 ekar) dan terbaru mengadakan kolaborasi dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Ladang 16 bagi membangunkan Agro Tourism Center yang panggil Edu Tourism untuk mendidik generasi muda tentang sektor pertanian.

Menurutnya, pertambahan ladang itu seiring dengan permintaan yang semakin bertambah dan pihaknya juga terpaksa mengimport hampir 20 peratus keperluan susu segar daripada tiga ladang di Australia bagi menampung kekurangan bekalan.

"Ketika ini purata pengeluaran bagi kesemua ladang milik Farm Fresh diangarkan berjumlah 20 juta liter setahun dengan nilai jualan RM250 juta.

"Jadi untuk tahun depan kita akan menambah dua lagi ladang iaitu di Pahang dan Perak untuk menampung permintaan susu segar negara."

"Kita bersyukur kerana pihak kerajaan negeri menunjukkan minat berkerjasama dengan Farm Fresh dan menyediakan tempat untuk dibangunkan," katanya kepada Bisnes Sinar baru-baru ini.

Jelas Azmi, buat masa ini kerja-kerja asas di dua lokasi ini sudah bermula dan dijangka beroperasi tahun depan.

"Melalui tambahan dua ladang baharu ini kita menjangkakan sasar jualan sebanyak RM380 juta setahun bagi kesemua produk keluaran Farm Fresh bagi tahun 2020," katanya.

Farm Fresh bakal terokai pasaran luar bandar

Dalam pada itu, Azmi atau lebih dikenali dengan jolokan 'Bos Susu' berkata, selain ladang pihaknya turut memberi fokus kepada pembangunan produk dan juga segmen lain termasuk produk bukan tenusu bagi menampung permintaan daripada usahawan-usahawan yang dibangunkan di bawah Farm Fresh.

"Malah jualan mereka juga mampu menjangkau 70 peratus bermula dengan menjual susu secara kecil-kecilan atau lebih dikenali dengan panggilan 'usahawan gabus'.

Ujarnya, Farm Fresh bakal memperluaskan pasaran ke luar bandar bagi membolehkan masyarakat ydi kampung-kampung turut berkongsi produk minuman mereka yang sebelum ini hanya boleh didapati di bandar sehingga ke pekan.

IGAU FRESH
FENOMENA

BICARA ORANG SUKSES



AZMI cukup akrab dengan salah seekor lembu yang diberi nama 'Mawar' di Ladang 16, UPM Serdang, Selangor.

Mahu lahirkan ramai usahawan tenusu

SALAH SATU AGENDA UTAMA FARM FRESH

sememangnya menjadi agenda syarikatnya sejak dahulu lagi selain memasuki bidang peruncitan bagi memastikan produk Farm Fresh berada di pasaran.

"Jualan melalui segmen usahawan ini sendiri memberi sumbangan sebanyak 25 peratus daripada jualan kasar syarikat yang mencecah antara RM15 ke 23 juta setahun.

"Malah jualan mereka juga mampu menjangkau 70 peratus bermula dengan menjual susu secara kecil-kecilan atau lebih dikenali dengan panggilan 'usahawan gabus'.

"Kini lebih 20 daripada mereka sudah memiliki gudang mereka sendiri setanding dengan pengedar dengan pendapatan jualan jutaan ringgit dan sehingga kini kita telah bangunkan 600 usahawan dengan majoriti mereka adalah bumiputera dengan modal secara kecil-kecilan," katanya.

Azmi berkata, rangkaian produk Farm Fresh kini boleh didapati di semua rangkaian pasaran dan juga pengedar di seluruh negara.

Ujarnya, Farm Fresh bakal memperluaskan pasaran ke luar bandar bagi membolehkan masyarakat ydi kampung-kampung turut berkongsi produk minuman mereka yang sebelum ini hanya boleh didapati di bandar sehingga ke pekan.

Cuaca jadi cabaran utama

Mengulas mengenai cabaran yang diharungi dalam industri tenusu, Azmi mengaku cuaca tidak menyebelahi mereka bukan disebabkan suhu yang panas sebaliknya kerana negara beriklim khatulistiwa seperti Malaysia berbanding dengan

negara-negara pengeluar susu seperti Australia, New Zealand dan juga di Timur Tengah.

Katanya, keadaan itu akan menyebabkan temakan lembu ini kurang sesuai, bagaimanapun ia menjadi pemungkin buat Farm Fresh dalam mencari jalan penyelesaian yang sesuai termasuk menggunakan genetik yang dipanggil Australian Friesian Shahiwal (AFS) yang mempunyai baka tropika dari Pakistan dan Australia.

"Dengan genetik AFS, lembu-lembu ini lebih tahan lasak, tahan cuaca dan tahan kepada serangan penyakit serta hampir 80 peratus daripada baka-baka yang kita ada sekarang ini adalah baka-baka AFS.

"Selain cuaca, cabaran kedua kami adalah daripada segi persaingan khususnya di pasaran yang agak kompetitif kerana Farm Fresh terpaksa bersaing dengan jenama-jenama produk yang lebih besar dan sudah lama berada di pasaran.

"Mereka bukan pengeluar sebaliknya hanya memproses berbanding kami yang perlu melalui kesesuaian rantaian pengeluaran bermula daripada baka lembu terbaik sehingga produk tersebut sampai kepada pengguna dan ini adalah satu cabaran terbesar kami," jelasnya.



ANTARA lembu-lembu baka AFS yang terdapat di Ladang 16, UPM Serdang.



AZMI ZAINAL